

Malaysia mampu hadapi serangan

BT 13 MAY 1985

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sentiasa bersedia menghadapi sebarang ancaman dan berkeupayaan menentang serangan dari luar.

"Menang atau tidak itu adalah soal lain. Tetapi kita akan memberi tentangan yang hebat jika mereka cuba menyerang," tegas Perdana Menteri.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Malaysia mempunyai kekuatan untuk menangkis serangan-serangan dari darat kerana mempunyai angkatan tentera yang cekap dan berpengalaman dalam peperangan gerila.

Jika tidak dapat menghadapi peperangan konvensional, Malaysia akan berperang secara gerila terhadap sesiapa yang menduduki negara ini seperti dihadapi oleh Jepun suatu masa dulu, katanya.

Perdana Menteri menjawab soalan dalam rancangan 'Dunia Anda' yang disiarkan secara langsung oleh Perbadanan Penyiaran British (BBC) malam ini.

Persediaan

Soalan itu dikemukakan oleh seorang pendengar dari Keluang, Johor yang ingin tahu persediaan Malaysia menghadapi ancaman yang semakin meningkat dari Vietnam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia memang menyedari ancaman itu, tetapi berpendapat buat masa ini tidak akan berlaku peperangan konvensional atau seba-

rang percubaan untuk menakluki negara ini.

Ditanya sejauh mana Malaysia boleh bergantung kepada Asean jika diserang, beliau berkata, Malaysia tidak mempunyai pakatan tentera dengan lain-lain anggota pertubuhan serantau itu.

"Tetapi Malaysia mempunyai kerjasama dua hala dengan negara-negara jiran seperti Thai-

● MUKA 19 ruang 1

PM yakin negara jiran akan bantu

BH 13 MAY 1985

● DARI MUKA 1

land, Indonesia dan Singapura.

"Saya yakin negara-negara ini akan melihat sebarang ancaman terhadap Malaysia sebagai ancaman terhadap negara itu sendiri dan mereka tentu akan memberi bantuan," katanya.

Selain itu, Malaysia juga menganggotai Peraturan Pertahanan Lima Negara bersama Australia, New Zealand, Britain dan Singapura. Malaysia akan meminta bantuan negara-negara ini jika benar-benar menghadapi ancaman, tambahnya.

Dalam rancangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga menjawab soalan-soalan dari lapan pendengar lain dari London, Norway, Sepanyol Utara, Jerman Barat dan Republik Ireland yang mengemukakan pertanyaan menerusi telefon.

Menjawab soalan pendengar dari Ireland, Datuk Seri Dr Mahathir menafikan bahawa tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berjumlah beratus-ratus

orang. Bilangan tahanan ISA cuma kecil sahaja, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menawarkan kepada negara-negara yang tidak senang dengan tindakan Malaysia itu supaya mengambil tahanan berkenaan.

Negara-negara itu bagaimanapun hendaklah memberi jaminan tahanan yang diambil itu tidak akan kembali ke Malaysia.

Nilai Islam

Beliau juga berkata, rakyat asing di negara ini tidak perlu bimbang dengan langkah kerajaan menerapkan nilai-nilai Islam kerana Malaysia mengamalkan dasar toleransi beragama.

"Tidak ada sebab mereka perlu bimbang. Apa jua tindakan kerajaan adalah untuk kepentingan rakyat dan negara," tegasnya.

Menjawab soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan bagi menghapuskan pengenalan kaum negara ini melalui kegiatan ekonomi. DEB bertujuan membolehkan rakyat mendapat peluang yang saksama dalam menikmati kemakmuran negara, tegasnya.

Lain-lain perkara yang dijawab oleh Perdana Menteri termasuklah mengenai soal warganegara Malaysia di seberang laut, hubungan Malaysia-British, dasar penduduk 70 juta, dan masalah harga bahan mentah negara-negara pembantu.